

77

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI HAJI ANUAR BIN MUSA**  
**KAWASAN : KETEREH**  
**TARIKH : 22 NOVEMBER 2017**  
**NO. SOALAN : 37**

**SOALAN**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Anuar Bin Musa** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan momentum pelaburan dalam dan luar negara pada suku ketiga dan sejauh mana ia mencapai sasaran pelaburan 2017.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, data pelaburan negara bagi suku ketiga tahun 2017 masih belum dimuktamadkan. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2017, jumlah pelaburan yang diluluskan bagi sektor perkilangan adalah sebanyak 302 projek dengan nilai pelaburan sebanyak RM17 bilion dan dijangka menjana sebanyak 21,904 peluang pekerjaan. Daripada jumlah ini, pelaburan asing bagi sektor perkilangan adalah sebanyak

RM9.6 bilion atau 56.5 peratus dan pelaburan tempatan pula adalah sebanyak RM7.4 bilion atau 43.5 peratus.

Tuan Yang di-Pertua,

Prestasi pelaburan sederhana dalam sektor perkilangan bagi tempoh Januari hingga Jun 2017 adalah seiring dengan tren pelaburan langsung asing (FDI) global bagi sektor perkilangan. Menurut Laporan Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCTAD) 2017, nilai FDI bagi projek-projek perkilangan baharu bagi seluruh dunia telah menurun sebanyak 23 peratus daripada USD379,566 juta pada tahun 2003 kepada USD292,159 juta pada tahun 2016. Tren penurunan global FDI bagi projek baharu menunjukkan pengurangan FDI yang terdapat di seluruh dunia. Ini meningkatkan persaingan di kalangan negara-negara bagi menarik FDI dalam sektor perkilangan.

Walaupun terdapat penurunan dalam pelaburan yang diluluskan bagi sektor perkilangan untuk tempoh Januari hingga Jun 2017 berbanding tempoh sama tahun 2016, pelaburan pada suku berikutnya tahun 2017 dijangka terus meningkat dan akan dapat mencapai sasaran pelaburan yang telah ditetapkan, memandangkan Malaysia mempunyai ekosistem perindustrian yang baik. Tambahan pula, berdasarkan data awal daripada Lembaga Penggalakkan Pelaburan Malaysia (MIDA) setakat September 2017, terdapat 341 projek dalam perancangan dengan pelaburan bernilai RM50.9 bilion bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan. Sebahagian besar daripada projek-projek dalam perancangan ini, apabila dilaksanakan, akan menyediakan lebih 18,000 peluang pekerjaan di dalam negara.

19

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan akan terus memacu usaha untuk menarik dan mengukuhkan keyakinan pelabur asing untuk melabur dalam projek berkualiti, industri-industri berteknologi tinggi, berasaskan pengetahuan dan berintensif modal, terutama dalam teknologi pesat membangun dan seterusnya menjadikan Malaysia sebuah hab pelaburan yang kompetitif.